



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA



Bil Keluaran : 02 Siri : 1435H/02 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan Rabiul Awal - Rqabiul Akhir (Februari 2014)

TAUJIHAT



Ustaz Dr Mohd Parid
Sheikh Ahmad
Presiden IKRAM
-m/s 2-



Prof Dr Mohamed Hatta
Shaharom
Timb. Presiden IKRAM
-m/s 3-

BINGKISAN TARBAWI



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
Pengerusi Tarbiah IKRAM
- m/s 4-

AL-IRSYAD



Sheikh Mohamed Hamed Elawa
- m/s 5-

MURABBI & KEPIMPINAN IKRAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين ، محمد بن عبد الله ، سيد الداعين إلى الله على بصيرة ، والمجاهدين فيه بإحسان ، وعلى آله وأصحابه ومن ولاه .. وبعد

Murabbi di sini bukan hanya sebagai naqib kepada usrah seperti yang difahami oleh sesetengah orang, sekalipun ia merupakan makna terpenting dalam senarai semak tugas para murabbi.

Istilah murabbi ialah semua orang yang diamanahkan memimpin seseorang atau beberapa orang dalam urusan dakwah dalam apa jua posisi tugas kepimpinan atau komuniti, mereka dipanggil Presiden dan JKP, raqib, Ketua Sektor, Ketua Penolong, pensyarah universiti, ayah, guru, imam masjid dan semua orang yang dihormati dalam masyarakat; semua mereka adalah murabbi melalui tutur kata maupun perbuatannya sekalipun perbuatan itu lebih mendatangkan kesan ke dalam jiwa berbanding nasihat dan kata-kata.

Justeru konsep murabbi seharusnya difahami secara lebih luas dan syumul. Begitu juga tugas yang perlu dipikul juga besar, iaitu membina insan yang digelar daei sebagai agen perubahan yang menyeluruh. Inilah projek pembinaan insan yang akan membawa misi besar iaitu melahirkan pemimpin masa depan demi mengejar tujuan tertinggi mengembalikan 'ustaziyatul alam' dengan Islam.

Bila kita menerima hakikat bahawa murabbi adalah batu penjurru dalam tarbiah, maka peranan terpentingnya ialah ta'umul insani (pergaulan sebagai manusia) yang berkualiti amat diperlukan dalam hidupnya. Kemahiran ini akan memudahkan para murabbi mentarbiyah insan yang memiliki muwasofat kepemimpinan yang hebat. Semuanya telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam segenap dimensi kehidupan baginda sebagai individu dan pemimpin.

Allah SWT berfirman:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: " Sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah terdapat contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang mengharapkan Allah dan mengharapkan kedatangan hari akhirat, mereka banyak berzikir kepada Allah " (Al Ahzab: 21).

Semoga Allah sentiasa memandu dan membantu kita semua untuk melayari bahtera dakwah ini hingga selamat sampai ke destinasi yang dituju.

Dari Meja Editor



وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ، فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ، قَدْ أَفْلَحَ مَن رَّزَّاهَا ، وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا

Demi jiwa serta penyempurnaan ciptaanNya. Maka Dia mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan ketakwaan. Sungguh beruntung orang yang menyucikannya(jiwa itu). dan sungguh rugi orang yang mengotorinya.
(Surah As-Syams: 7-10)



Daripada Makqal bin Yassir berkata : telah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda : "Tiada seorang pemimpin Islam kemudian dia tidak serius memimpin mereka dan tidak menasihati mereka, melainkan dia tidak akan masuk syurga bersama mereka(orang yang dipimpin)".

(Hadith Riwayat Muslim)

MUTIARA HIKMAH

Bacalah al-Quran, tatapilah buku-buku ilmu, amalkanlah zikrullah dan janganlah membuang masa dalam perkara yang tiada memberi faedah.

~Imam Hasan
Al-Banna~





ASAS-ASAS TARBIAH



*Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad,
Presiden IKRAM*

Apa yang ingin di perjelaskan disini ialah asas-asas kepada suatu tarbiah yang kuat kepada pembangunan peribadi ahli-ahli IKRAM.

Ia akan berjaya melahirkan ahli-ahli yang memenuhi muasofat-muasofat peribadi muslim yang salih dan berkesan sewaktu seluruh asas-asas di atas berjaya ditegakkan dalam kehidupan peribadinya.

Pertama: Asas keimanan

Ia akan meletakkan peribadi ahli IKRAM memiliki jati diri sebagai seorang muslim yang akan sentiasa dipandu arah tuju pergerakan kehidupannya sejajar dengan panduan imannya, taat kepada Allah dan bimbingan Rasulnya, memiliki keyakinan hidup, perlakuan dan penampilan seorang muslim sebenar sepanjang kehidupannya sewaktu berinteraksi dengan diri, pencipta dan lingkungannya. Keimanannya akan sentiasa mewarnai apa saja yang lahir daripada dirinya cetusan niat, keyakinan, tekad, pandangan, sikap dan prilaku dalam kehidupan.

Ia merupakan tunjang kehidupan kepada seorang muslim yang menjadikan dirinya mampu berdiri teguh menghadapi badai kehidupan, jelas pemandangan terhadap liku-liku perjalanan dan perjuangan sebagai seorang ahli IKRAM.

Kedua: Kefahaman dan Ilmu Pengetahuan

Di atasnya mereka diasuh agar sentiasa bergerak dalam kehidupan hasil dari bimbingan kefahaman dan ilmu pengetahuan yang dimiliki. Sebahagian daripada kefahaman yang mesti ada ialah kefahaman tentang 20 Usul Islam, minhaj perubahan sejarah, fiqh al-dakwah dan lain-lain. Kefahaman yang didokong oleh Ilmu pengetahuan berasaskan wahyu dan aqal, syara' dan rasional manusia, penghujahan ilmiah yang mantap, cernaan ilmuan yang jujur, ulama yang tersohor, yang memiliki penguasaan yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang masing-masing.

Ketiga: Penghayatan berprinsip

Menerusi proses tarbiah yang mantap dan meningkat, ahli-ahli IKRAM direncanakan

akan memiliki satu kehidupan yang luhur lantaran ia berdiri di atas asas prinsip-prinsip yang benar dalam semua keadaan dan situasi.

Mereka akan sentiasa berpegang dengan prinsip kebenaran, keadilan, kesaksamaan manusia, bahkan memperjuangkannya sepanjang kehidupan mereka. Semua manusia berhak hidup dengan bebas sebagai manusia yang dimuliakan kejadiannya dalam lingkungan ruang yang terbuka menerusi usaha dan kaedah yang sah, tanpa menyakiti orang lain atau masyarakat umum.

Keempat: Nilai-nilai Akhlak yang Mulia

Menerusi tarbiah yang berterusan, ahli-ahli IKRAM disemua tahap perkembangan masing-masing akan sentiasa membajai diri mereka dengan nilai-nilai akhlak yang mulia, akhlak seorang muslim yang salih, seorang dai' contoh. Ketinggian akhlak, akan meletakkan mereka dalam kategori manusia muslim yang mulia yang akan membawa kebaikan kepada lingkungannya, meningkatkan kesejahteraan kehidupan masyarakat sekitar, kemajuan mereka dan Negara.

Ia akan menjadikan kehidupan peribadi, masyarakat dan keadaan Negara bebas dari aktiviti jenayah, sikap dan kegiatan-kegiatan yang tidak bermanfaat, tidak bertanggung jawab yang akan membawa kerosakan, keburukan dan kerugian kepada semua.

Kelima: Qudwah Yang Mantap

Menerusi tarbiah yang berkesan akan lahir ahli-ahli yang sudah terasuh sebagai muslim dan manusia contoh yang akan dapat berfungsi dan berperanan dengan baik dalam memperbaiki keadaan masyarakat yang memerlukan sentuhan bimbingan mereka agar menjadi anggota masyarakat yang salih, mampu memperbaiki situasi Negara, persekitaran dan lingkungan kehidupan mereka.

Dengan kedudukan mereka sebagai Qudwah yang mantap usaha dakwah kepada orang lain dapat berjalan dengan berkesan, pertambahan ahli dapat berlaku dengan lebih cepat, kepercayaan masyarakat dapat dimenangi lantaran integrity yang ada pada ahli-ahli IKRAM.

Keenam: Lingkungan Pergaulan yang Sihat dan Salih

Lingkungan pergaulan yang sihat dan salih akan banyak memudahkan pentarbiyahan ahli-ahli, menyediakan peluang kearah pemantapan dan peningkatan peribadi mereka dengan peredaran masa, lingkungan sedemikian akan mewujudkan "engagement" dan mu'asah yang akan meninggalkan kesan yang berpanjangan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya pihak yang menerima asuhan di dalamnya. Ia akan mewujudkan suasana tarbiah yang kaya dengan pengalaman-pengalaman indah, kenangan-kenangan manis, penemuan idola-idola hidup yang dapat menjadi ikutan kepada ahli-ahli yang menerima asuhan tarbiah tersebut.

Ketujuh: Penglibatan dalam Perjuangan Islam secara Aktif

Penglibatan dalam perjuangan Islam secara aktif merupakan asas tarbiah yang penting, pendedahan yang diperolehi dalam semua aspek kefahaman, ilmu pengetahuan, pengalaman sepatutnya mendorong kepada amal, penglibatan medan bagi merubah dan memperbaiki keadaan. Ia bukan setakat pendedahan ilmu, fikrah atau teori semata-mata tanpa diikuti dengan amal jihadi yang berkesan, aktiviti-aktiviti yang akan membawa kepada perubahan besar perjalanan sejarah Ummat.

Penglibatan ini akan mempercepatkan pengeluaran hasil-hasil tarbiah, kader-kader yang berdisiplin, barisan kepimpinan, bahan-bahan asuhan, bekalan-bekalan perjuangan, pengalaman-pengalaman di medan-medan amal dalam usaha menjayakan perjuangan tersebut dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, semua asas-asas tarbiah diatas diperlukan bagi mewujudkan usaha-usaha tarbiah yang berkesan, ahli-ahli yang berdisiplin dengan disiplin-disiplin perjuangan Islam yang murni, semangat juang yang tinggi, kesabaran dan keupayaan-keupayaan yang diperlukan sebagai bekalan sepanjang perjuangan.



Prof. Dr. Mohamed Hatta Shaharom, Timbalan Presiden IKRAM

Al-murabbi... huwa al-qa'id wa al-uswah. Sang murabbi... dialah pemimpin dan contoh.

Mukadimah

Jika kita menerima hakikat bahawa adalah sukar untuk menjadi seorang mu'allim (guru), maka sudah tentu lebih sukar lagi untuk menjadi seorang murabbi (pendidik). Sebelum murabbi menjadi pendidik dan pembentuk individu dalam masyarakat, dia mestilah redha untuk dididik dan dibentuk menerusi tarbiah oleh madrasah para murabbi yang jauh lebih berpengalaman daripadanya.

Bagi murabbi yang berjaya, perkembangan dirinya terus subur menerusi tahap-tahap usia, sehinggalah akhir hayatnya. Mudanya berjaya, tuanya berharga.

Sering terbayang di benak kita imej sang murabbi sebagai orang yang alim, warak, berbudi bahasa dan sudah berusia. Bagi golongan muda yang sedang ditarbiah dan mula belajar menyampaikan tarbiah, mereka boleh digelar sebagai "murabbi pelatih". Ini termasuk para nuqaba' dan mas'ulun muda yang sedang memimpin usrah.

Sifat dan Akhlak

Apa yang menarik tentang diri murabbi ialah sifat-sifat mahmudah yang terserlah pada dirinya. Sifat inilah yang meyakinkan masyarakat tentang keunggulan diri murabbi. Di dalam rumah dan di luar sana di tengah-tengah ummah, orang yang memusuhinya hanyalah manusia yang dirangsang sifat-sifat madzmumah.

Mari kita mulakan dengan meneliti akhlaknya. Kebetulan pula istilah "akhlak" bermula dengan "a" yang merupakan huruf pertama dalam barisan abjad Rumi. Begitu juga ejaan istilah "akhlak" bermula dengan huruf "alif" dalam bahasa Arab. Walaupun kedua-duanya adalah satu kebetulan, ia membantu kita untuk mudah mengingati sifat murabbi yang amat penting ini.

Sang murabbi mestilah dikenali oleh umum dan diketahui oleh para malaikat sebagai insan yang berakhlak mulia. Sewaktu bersendirian atau berada di khalayak ramai, hidupnya tetap sama. Percakapannya benar dan kepercayaan yang diamanahkan tidak dikhianatinya.

Apa pun ciri yang ada pada diri murabbi, ketinggian akhlaknya serta kematangan jiwanya adalah sifat-sifat yang mengangkat martabatnya di kalangan khalayak ramai.

Psikologi Diri

Murabbi sebagai insan biasa mempunyai jiwa yang bersepadu dengan pelbagai alam lain dalam kehidupan, iaitu alam-alam sosial, jasad dan spiritual. Kekuatan jiwanya membolehkannya mengatasi segala rintangan dan cabaran dari alam-alam ini. Contohnya, bila ia gagal di dalam usaha untuk mencapai sesuatu impian, ia tidak kecewa. Ia akan bangkit semula untuk mengambil langkah yang realistik untuk meneruskan kehidupan. Inilah antara banyak contoh keupayaan peribadinya yang menjadi ilham bagi para mutarabbinya yang berada di dalam didikannya. Ia juga menjadi pedoman bagi manusia lain yang menghargai mujahadah seorang insan.

Fikiran dan Perasaan

Kematangan fikirannya diimbangi pula dengan kedamaian perasaannya dalam mengharungi pasang surut kehidupan. Itu yang membuatnya berjaya. Kejayaan yang tidak diukur dengan banyaknya harta dunia yang diperolehi mempunyai neraca spiritual serta ukhrawi yang tahan lama. Jika ia seorang hartawan, kekayaannya tak memalingkan dirinya daripada kasihnya kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya s.a.w. Dirinya amat sedar bahawa harta tarbawilah yang penting diwariskan turun temurun kepada anak cucu sedarah sedaging dan juga anak cucunya dari "silsilah tarbawiyah".

Kekuatan fikirannyalah yang dapat mengawal perasaannya supaya ia dapat menge-

lakkan dirinya daripada terjerumus ke kancah durjana. Murabbi amat berjaga-jaga supaya hawa nafsu jahat tidak meraja dan berkota dalam hatinya, seperti yang diingatkan oleh maksud Ayat 23 Surah Al-Jatsiah (45):

"Maka pernahkah kamu (wahai Muhammad) melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya, dan Allah membiarkannya sesat dengan pengetahuannya, dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan kalbunya, serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah kepadanya sesudah Allah (membiarkannya sesat)? Mengapakah kamu (orang-orang yang ingkar) tidak ingat?"

Khatimah

Murabbi sentiasa mendapat bekalan kerohanian menerusi pesanan Rasulullah s.a.w. supaya kita sentiasa menyimpan amanah dan bercakap benar. Sumber pemantapan fikiran dan keikhlasan perasaannya ialah ayat-ayat suci al-Quran supaya manusia berfikir dan insaf akan kekuasaan mutlak Allah s.w.t. Murabbi hidup dengan kedua-dua peninggalan Nabi s.a.w. tidak ubah umpama hubungan makhluk yang bernyawa dengan oksigen dan air.

Kasihnya kepada kebenaran dan keadilan membuat insan pelbagai kepercayaan dan anutan menyayangnya. Bila ini berlaku, sang murabbi adalah pendidik dan pemimpin insan sejagat. Maka budinya tidak lagi terhad kepada umat Islam saja. Dan hidupnya menjadi obor kepada seluruh dunia.



"HELANG TERBANG KE BUKIT TINGGI MENAMPI PADI DI SAWAH SANA SANG MURABBI BERHEMAM TINGGI MUTARABBI NAN BIJAKSANA"



Akhi murabbi menjadi faktor utama kejayaan membentuk individu muslim bila dia ber-taqwa kepada Allah dalam usahanya dan benar-benar merasai muraqabah Allah (tilikanNya). Biasanya situasi individu yang dipimpin berbeza dari sudut masalah yang dilalui. Peranan akhi murabbi ialah mengumpulkan jiwa tersebut kembali kepada Allah, menyuburkan kebaikan. Murabbi hendaklah memiliki hati yang besar, memberi keluasan kepada cita-cita dan menenangkan kesakitan yang dialami. Murabbi hendaklah berperanan sebagai akal yang mampu memberi nasihat terbaik, lalu memandu mereka mematuhi hukum hakam Allah SWT.

Diriwayatkan oleh al-Hakim daripada Toriq, katanya: "Suatu ketika Amirul Mukminin 'Umar bin al-Khattab keluar menuju ke Syam bersama para sahabat termasuk Abu 'Ubaidah al-Jarraah. Kemudian mereka tiba di tebing sungai. 'Umar turun dari untanya, kemudian menanggal dan mele-takkan kasutnya di bahu. Lalu ditarik tali kekang untanya sambil menyeberangi sungai tersebut.

Melihat hal itu, Abu 'Ubaidah al-Jarrah lantas bersuara: "Wahai Amirul Mukminin, engkau tanggalkan kasutmu, lalu diletakkan di atas bahu. Engkau tarik tali kekang untamu, kemudian engkau menyeberangi sungai ini. Aku dapat rasakan, jika penduduk Syam melihat keadaanmu ini, mereka tidak akan memuliakanmu.

'Umar bin al-Khattab seraya berkata: "Sekiranya yang berkata seperti ini, orang selain darimu, nescaya aku akan memukulnya sebagai pengajaran ke atas umat Muhammad SAW. Dahulu kita merupakan kaum yang hina, kemudian Allah muliakan kita dengan Islam. Oleh itu, apa jua usaha untuk mencari kemuliaan selain Islam, maka Allah akan meletakkan kita dalam kehinaan." (riwayat al-Hakim, sahih Albani).

Di sana ada dua jenis kewajipan: (1) Kewajipan di antaranya dengan Allah dan (2) Kewajipan di antaranya dengan makhluk. Melalui usrah, kedua-dua kewajipan ini insyallah dapat direalisasikan.

Kewajipan pertama: Antara dirinya dengan Allah ialah peringatan Rasulullah SAW mengenai makna ihsan, iaitu: "Bahawa anda menyembah Allah seolah-olah anda melihatNya, jika tidak anda melihatNya, ketahuilah bahawa sesungguhnya Dia melihat anda". (Riwayat Bukhari)

Kewajipan kedua: iaitu hubungannya dengan saudaranya yang lain dalam pergaulan, tolong menolong dan persahabatan. Pertemuan yang berlaku hendaklah diletakkan objektifnya untuk mencari redha Allah dan ketaatan kepadaNya sesuai dengan firman Allah di dalam Surah al-Asr.

"Dua sifat kepimpinan yang perlu ada pada pemimpin yang berjaya, iaitu ketegasan dan pengorbanan"

~Imam Al-Banna~

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar RA bahawa seorang lelaki datang bertemu Rasulullah SAW lalu berkata: "Wahai Rasulullah, siapakah yang paling dikasihi Allah? Lalu Rasulullah SAW menjawab: "Manusia yang paling dikasihi Allah ialah orang yang paling banyak membawa manfaat kepada manusia dan amalan yang paling disukai Allah ialah kegembiraan yang anda masukkannya ke hati seorang muslim, anda berusaha hindarkan darinya kesusahan atau anda membantunya jelaskan hutang atau anda usahakan agar hilang darinya kelaparan. Bahawa aku berjalan bersama seorang saudara untuk selesaikan hajatnya lebih aku sukai dari aku beriktikaf di masjid ini (iaitu Masjid Nabawi) selama sebulan, dan sesiapa yang menahan marahnya nescaya Allah penuhi hatinya pada hari qiamat dengan keredhaan. Sesiapa yang berjalan bersama saudaranya untuk memenuhi hajatnya sehingga selesai, maka Allah kurniakan baginya keteguhan kedua-dua kakinya di hari kaki-kaki tergelincir". (Riwayat al-Asbihani).

Bacalah firman Allah jika anda mahu ayat 28 dari Surah al-Kahfi bermaksud:

"Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang

beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharap keredhaan Allah semata-mata dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia dan janganlah engkau mematuhi orang yang kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah lakunya pula adalah melampau kebenaran".

Sepuluh Wasiat untuk Para Murabbi Qudwah [Bingkisan Tarbawi]



Muraqabatullah adalah adalah matlamat utama yang mesti didahulukan dari yang lain. Jika para murabbi berjaya mentarbiyah mutarabbinya ke arah tersebut, maka ia adalah kejayaan besar. Mungkin kita dapat ringkaskan kepada beberapa ungkapan untuk merealisasikan muraqabatullah seperti berikut:

1. Muhasabah dan mujahadah – mentarbiyah mutarabbi mentaati Allah dalam keadaan sunyi dan terang seperti hadis ihsan di atas.
2. Bergaul mesra dengan mutarabbi – menjadi bapa, sheikh, ustaz dan tempat mengadu dan merujuk.
3. Menunai amanah ilmu dengan baik – tidak menjadi syarat murabbi alim dalam semua perkara, paling tidak dia dapat mewujudkan situasi bantu membantu ke arah pencarian ilmu yang membawa kepada taqwa.
4. Mentarbiyah mutarabbi agar mereka mentaati disiplin jamaah – murabbi menjadi penghubung kepada tanzim atau jamaah. Peranannya penting agar kesatuan dan kesetiaan dapat dikekalkan hingga dakwah ini selamat sampai ke destinasi yang dituju. Wallahu A'lam.....



Akhi murabbi! Anda adalah tiang seri kepada proses tarbawi. Anda adalah salah satu rukun terpenting, bahkan anda

adalah batu penjuru pada binaan dakwah ini seperti yang pernah diungkapkan oleh Imam Al-Banna ketika menyentuh isu usrah dan naqibnya:

“Usrah adalah kaedah asas dalam binaan dakwah kita dan naqib usrah adalah batu penjuru dalam binaan ini”.

Maka anda sebenarnya kilang rijal dan murabbi generasi. Berikut beberapa nasihat dan taujihah:

1. Hendaklah anda wahai akhi murabbi mengambil berat memelihara jiwa dan mensucikannya, prihatin terhadap semua hal yang boleh mendekatkan diri anda kepada tuhanmu kerana kejayaan anda dalam mentarbiah ikhwannya berdiri secara prinsip di atas kejayaan anda terhadap diri anda. Di antara taujihah Imam Al-Banna ialah: “Medan pertama anda ialah diri anda sendiri. Bila anda berjaya ke atas diri anda, maka anda akan lebih mampu ke atas yang lain. Sebaliknya bila anda lemah melawan kehendaknya, maka anda akan lebih lemah ke atas selainnya”.

2. Hendaklah anda berakhlak dengan akhlak yang baik dan memperelokkan pergaulan. Antara akhlak asas yang patut dimiliki oleh murabbi ialah sabar, berlapang dada, lemah lembut, merendah diri dan suka memaafkan. Firman Allah yang bermaksud: “Maka dengan rahmat Allah (wahai Muhammad) engkau mampu berlemah lembut dengan mereka. Sekiranya engkau bersikap keras dan berhati kasar, tentulah mereka akan menjauhkan diri dari sekitarmu. Maka maafkanlah mereka dan pohonkanlah keampunan bagi mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu..”.

3. Hendaklah anda berusaha bersungguh-sungguh mencari bekalan ilmu yang bermanfaat untuk dirimu dahulu, kemudian untuk disebarkan ke atas saudaramu agar dengan itu terlaksana apa yang pernah disebutkan oleh Imam Al-Banna: “Anda menjadi ustaz (guru) dengan menyebarkan ilmu”. Sifat ilmu juga melampaui kepada pengalaman secara praktikal semua ilmu yang diperolehi

tadi. Ketahuilah

wahai akhi murabbi bahawa tarbiah juga bermaksud bekalan dan pemberian. Anda tidak akan mampu menyumbang untuk tarbiah tanpa bekalan.

4. Hendaklah anda berusaha membina jatidiri dan mengembangkan potensi anda sehingga anda mampu menunaikan peranan tarbawi dengan sebenarnya. Antara kemahiran asas yang mesti ditingkatkan ialah kemahiran perancangan tarbawi, penyelesaian masalah, penyampaian, bermesyuarat, mutabaah, menilai, pembahagian tugas, membangun potensi diri, memperbaiki tingkahlaku, perhubungan inter-personel dan sebagainya.

5. Saya berpesan kepada anda agar dapat menguasai manhaj marhalah di bawah pengendalian anda, bagaimana melaksanakan manhaj tersebut agar tercapai objektifnya, serta memastikan wasail tarbiah yang berkesan agar memenuhi objektif manhaj.

6. Hendaklah anda mengambil berat sudut muayasyah tarbawi secara mendalam bersama saudaranya sama ada secara individu atau secara jama'ie. Muayasyah membantu merealisasikan rukun-rukun usrah (taaruf-tafahum-takaful) serta memperkasakan hubungan hati dan kesatuan perasaan anggota usrah, membentuk situasi yang membantu menyuburkan tarbiah kerana ia memberi peluang kepada murabbi mengenali saudaranya secara dekat

7. Jadikanlah tarbiah imaniah dan ibadiah untuk saudaranya itu sebagai asas melalui penyucian jiwa mereka dan merealisasikan ubudiah kepada Allah Ta'ala. Mentarbiah mereka di atas keikhlasan kepada Allah dan membetulkan nawaitu dalam perkataan dan amalan, kemudian bertitik tolak dari iman dan ibadat tadi membawa kepada penyucian ruh jihad dan pengorbanan dengan jiwa, harta, masa dan tenaga di jalan Allah, kemudian memperdalamkan ke dalam jiwa mereka ruh tajarud (fokus) untuk dakwah dan fikrah mereka kerana pengorbanan, jihad dan tajarud memerlukan ruh jundiah (tentera).

8. Hendaklah akhi murabbi berusaha mendisiplinkan pergerakan saudaranya sesuai dengan disiplin dan prinsip asas dakwah, membiasakan mereka melaksanakan tugas yang diberi dengan cermat dan penuh berhati-hati kerana amal jama'ie tidak sama dengan amal individu. Di sana ada tatacara dan ad-

ab-adabnya.

9. Hendaklah para murabbi berusaha menyucikan makna ukhuwah dan kasih sayang kerana Allah secara praktikal bukan teori. Kerana dalam ukhuwah tersirat rahsia kekuatan. Usahakan agar tumbuh subur dalam jiwa mereka prinsip thiqah di jalan dakwah. Tunjukkan kepada mereka tabiat jalan dakwah ini, halangan dan liku-liku dari sudut fikrah dan harakah yang berpotensi menggelincirkan sesetengah orang seterusnya menjauhkan mereka dari jalan dakwah ini agar mereka berhati-hati. Lebih-lebih lagi penyelewengan tersebut biasanya bermula sedikit (dari suatu yang dianggap remeh), kemudian bertambah sedikit demi sedikit dengan berlalunya masa.

10. Berusahalah wahai akhi murabbi untuk mengenali potensi saudara anda, tugaskan mereka berperanan untuk berkhidmat bagi kemaslahatan dakwah. Lonjakkan mereka bergerak dan bekerja melalui program praktikal. Jangan sekali-kali anda menyerah kalah sehingga lahir di dalam sof ini mereka yang menganggur. Hendaklah anda bercampur gaul, bermuayasyah dan mengenali mereka, kemudian penting juga anda mengetahui medan-medan dakwah yang terbuka luas di luar sana.

11. Jangan dibataskan perhubungan anda dengan mereka di dalam liqa' usrah sahaja. Bersikap prihatinlah agar mereka mampu berintraksi bersama wadah tarbiah jamaah seperti daurah, nadwah, mukhayam, katibah dan sebagainya. Sesungguhnya melalui pergaulan dengan mereka di dalam kerja-kerja kolektif tersebut, anda akan mampu mengenali situasi tarbawi mereka lalu yang terkehilangan di kalangan mereka dapat ditingkatkan dan yang kurang bersemangat di kalangan mereka dapat dipimpin tangannya.

12. Akhirnya, berusahalah sedaya upaya anda menghimpunkan hati-hati saudaramu di sekitar dakwah ini serta thiqah pada jalannya (qiadah-manhaj-individu). Tarbiahkan mereka agar berintima' (bergabung) dengan benar kepada dakwah ini (perasaan-pemikiran-gerakan). Tarbiahkan mereka agar mereka merasai bahawa mereka adalah pendokong dakwah, bukan pemburu habuan dalam dakwah. Justeru wajiblah mereka sentiasa berfikir untuk dakwah, memberi nasihat demi dakwah dan sentiasa bersemangat dan bersungguh memenuhi cita-cita dakwah.



IMAM HASSAN AL-BANNA... SENI 'PERANCANGAN' HIDUP DAN MATI

<http://abuamru1208.blogspot.com>

Bersempena memperingati syahidnya Imam Al-Banna bagus bagi kita untuk mengkaji sebahagian dari kehidupan dan kematiannya agar dapat kita jadikan sebagai pengajaran di sepanjang jalan ini dan bagaimana beliau memilih kehidupan dan kematiannya? Sejauhmana beliau telah berjaya dalam pembikinannya sekaligus "kehidupan dan kematian", di dalam misi yang jelas kepada semua pendokong dakwah dan mereka yang menjalani jalan ini serta meneladani Nabi SAW bahawa inilah dia jalan Ashabul Da'wah

Sesungguhnya Al-Banna Rahimahullah telah berjalan mengikut langkah kekasihnya SAW dan para sahabat RA di mana beliau telah mewakafkan kehidupannya untuk Allah SWT, berjalan di atas manhaj dan syariat-Nya, menyampaikan risalah-Nya, berusaha mengembalikan khilafah-Nya di bumi, memperbaharui agama-Nya di dalam jiwa manusia serta membangunkannya bersama ummah dari kelekaan menjadi pengikut timur dan barat kepada beristiqamah untuk agama ini demi meraih **أستاذية العالم** (Order Baru Dunia). Maka beliau telah memikul tanggungjawab besar ini bagi menghidupkan ummah setelah mati, membawa hidayah setelah sesat.

Imam Al-Banna membesar sedang dalam dirinya subur dengan fikrah ini, lalu menguasai segenap sudut kehidupannya. Imam menukulkan tajuk karangannya ketika graduasi, katanya: "Saya yakin bahawa sebaik-baik jiwa itu ialah jiwa yang melihat kebahagiaannya terletak pada kebahagiaan manusia dan menunjuk ajar mereka, jiwa yang bersedia untuk melakukan pengorbanan ke arah jalan pengislahan umum sebagai keberuntungan dan ghanimah". Beliau mengulanginya lagi ketika bercakap mengenai cita-citanya: "Bahawa saya akan menjadi mursyid yang menjadi guru apabila saya menggunakan masa dalam mengajar anak-anak murid pada sianghari sepanjang tahun dan malamnya pula mengajar para bapa tentang tujuan agama mereka".

Beliau amat mengambil berat tentang dakwah dan sentiasa berusaha menyebarkannya di kalangan manusia. Ketika zaman

kanak-kanaknya beliau sibuk melakukan kerja amar makruf dan nahi mungkar serta berdakwah kepada Allah, lalu ditubuhkan bersama teman-temannya sebuah sekolah di Buhairah (Persatuan Akhlak Beragama), setelah itu menubuhkan Persatuan Mencegah Mungkar, Persatuan Du'at Pagi dan



Persatuan Hasofiyah. Di Kaherah ketika masih menuntut di Universiti lagi beliau giat mengadakan dakwah di kedai-kedai kopi. Di Ismailiyah selepas tamat belajar beliau telah menubuhkan Jamaah Ikhwan Muslimin. Dari situ beliau telah mengadakan lawatan ke seluruh Mesir, mengunjungi kampung-kampung dan pedalaman, berce-ramah kepada orang ramai, mengutus surat kepada para sultan, penguasa dan raja, mengajak mereka semua memahami kesyukuran Islam dengan kesederhaan dan berhemat.

Bekerja lebih dari 20 jam tanpa penat dan letih, tidak tidur melainkan sedikit sahaja, beliau berusaha mengelilingi dan berpergian ke setiap kampung dan setiap pedalaman mencari pemuda, bercakap dengan orang-orang tua serta berhubungan dengan para pembesar dan ulamak. Maka hasilnya berhimpunlah di sekelilingnya para pemuda daripada umat ini, lelaki dan perempuannya sehingga pengikutnya telah mencapai angka setengah juta selepas beliau menziarahi lebih dari 4,000 kampung, menubuhkan lebih dari 2,000 cawangan untuk jamaahnya di seluruh pelusuk Mesir, tidak termasuk 50 cawangan di Sudan, 18 cawangan di beber-

apa negara seluruh dunia. Rumahnya dikunjungi oleh rombongan kaum muslimin dari Indonesia, Sri Lanka, India, Madagaska, Nigeria, Kameron, Iran dan Afghanistan yang ingin mengenalinya. Beliau berusaha memerangi pornografi, berdepan dengan propaganda kristianisasi, berdepan dengan parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan yang rosak, termasuk masuk menjadi calon pilihanraya sebanyak 2 kali, berjuang memerangi penjajah British dan pengganas yahudi. Semua itu dilakukan dalam tempoh umurnya tidak lebih dari 20 tahun.

Sebagaimana Al-Banna bijak merancang untuk kehidupan, beliau juga sebenarnya bijak merancang untuk kematian. Beliau berkata: "Sesungguhnya umat yang bijak dalam merencanakan kematian dan mengetahui bagaimana untuk mati mulia, Allah akan mengurniakan untuknya kehidupan yang hebat di dunia dan kenikmatan yang kekal di akhirat". Beliau mengajar kita bahawa merencanakan kematian sama seperti perencanaan untuk kehidupan, katanya: "Kalau begitu bagaimana kalian merancang untuk saat kematian kalian sendiri? Iaitu hendaklah kalian semua sentiasa berada dalam situasi ketaatan. Hendaklah kalian membuat persediaan untuk menyambut tetamu terakhir di dunia ini (izrael). Hendaklah kalian jadikan dunia ini sebagai ladang bercucuk tanam untuk akhirat kalian. Hendaklah kalian sentiasa mengingati kematian dan saat kehancuran. Hendaklah kalian sediakan kuburan kalian dengan segala jenis kebaikan. Hendaklah kalian jadikan dunia ini dipenuhi dengan unsur kebaikan dan mencari keredhaan tuhan kalian dengan melakukan ketaatan".

Dengan kalimah-kalimah inilah Al-Banna mentarbiyah murid dan pengikutnya di dalam Jamaah yang berkat ini, lalu beliau cernakan kecintaan yang mendalam terhadap jihad dan memasang niat untuk mati sebagai syuhada', dan mengajar mereka bahawa dakwah ini tidak menerima melainkan pengorbanan besar yang tidak boleh dihalang oleh perasaan tamak dan bakhil seraya sentiasa mengulangi doa: "Ya Allah kurniakan kepada kami kematian yang suci", dan bertanya mereka: "Tahukah kalian apa yang dimaksudkan dengan kematian yang suci? Lalu beliau menjawab: "Demi Allah, saya tidak melihatnya melainkan itu (syahid)

MENTADABBUR KEINDAHAN ALAM

Perlis, 9 Dis 2013 - Alhamdulillah pada 6 – 8 Disember 2013, bertempat di Kem D’Puncak, Sungai Beris, Sik, Kedah, satu mukhayam anjuran Ikram Siswa Gabungan IPT Perlis telah berlangsung dengan jayanya, melibatkan hampir 30 orang peserta lelaki dari beberapa buah IPT seperti AUCMS, UiTM Arau dan UniMAP.

Bertemakan ukhuwwah sambil mentadabbur keindahan alam ciptaan Ilahi, pelbagai aktiviti lasak telah diatur bagi menguji ketahanan fizikal para peserta. Antara yang menarik adalah aktiviti

‘jungle trekking’ dan berakit menggunakan rakit buluh yang dihasilkan sendiri.

Aktiviti-aktiviti seperti permainan ukhuwwah serta pengisian kerohanian dan kesedaran tentang peri pentingnya tarbiyah dalam menghayati Islam juga turut disajikan kepada para peserta. Semoga aktiviti mukhayam kali ini dapat mencapai objektifnya dan para peserta memperoleh manfaat yang berguna untuk dijadikan panduan.



Warga Bulletin TARBIATUNA mengalu-alukan ikhwan dan akhwat ke Perhimpunan Ahli Teras 2014

Sambil diisyaratkan jari jemarinya ke arah lehernya sebagai gambaran betapa kematian yang suci itu yang akan memotong tengkok sebagai pengorbanan untuk agama ini...dan beliau telah menjadikan syiar dakwah diakhiri dengan ungkapan :
“Dan kematian demi Allah adalah harapan tertinggi kami”

Allah SWT dengan iradah-Nya telah menghendaki bahawa Imam Al-Banna adalah pendakwah pertama syahid di bumi Mesir menjadi contoh praktikal bagi dakwahnya dalam ‘seni pembikinan’ kematian.

Beliau menemui syahid di Jalan (1) yang menyaksikan aktiviti dakwah pertama di Bandaraya Kaherah, hingga pengarang buku Al-Rijal Al-Qurani menulis: “Memang lelaki ini padan menerima padah kematian sebagai syuhada’ (Al-Banna) kerana lelaki ini telah menempa sejarah dan mengubah perjalanannya, seperti mati Umar, Ali dan Husain. Hasan Al-Banna telah mengikuti langkah-langkah mereka itu”.

Apabila beliau meninggal, adalah suatu yang amat pelik berlaku kepada kematian dan pengkebumiannya. Selepas ditembak dan dibawa ke hospital, dibiarkan (penda-

rahan) tanpa dirawat hingga meninggal, jasadnya dibawa pulang ke rumah pada malam tersebut dan keluarganya dihalang dari mengiklankan kesedihan itu. Daripada memandikan dan menyembahyangkan di masjid ialah bapanya sendirian. Bandaraya Kaherah diseliputi malam yang kelam lagi menakutkan.

Pengikutnya yang begitu ramai tidak dibenarkan menghantarnya ke kubur. Jenazahnya diusung oleh para wanita dalam situasi yang tidak pernah berlaku dalam sejarah, anak perempuannya yang sulong mengetuai akhawatnya menguruskan jenazah dengan mengulang-ngulang:

“Berbahagialah engkau wahai ayah.. Sesungguhnya kami pasti akan mengikuti jejak langkahmu.. sekalipun mereka menghalangmu dan pengikutmu dari menghantarmu ke perkuburan.. maka cukuplah bagi kami bahawa penghuni langit bersama kami mengiringimu ke tempat persemadian, apa tidak dapat dilakukan oleh penghuni bumi.”

Demikianlah betapa tekunnya Imam Al-Banna berusaha merancang kehidupan dan kematiannya. Demikian pulalah gen-

erasi-generasi pertama dakwah tersebut ditarbiiyah. Demikianlah kita yang datang kemudian ini bertekad untuk menyempurnakan perjalanan dakwah ini. Dakwah ini dilingkungi dengan fikrah kita ini dengan menjual segala kepentingan dunia demi agama yang maha suci ini, seraya mengharapkan baki umur yang masih tinggal ini akan kekal bersama kebenaran yang kita tanggung. Kita sesungguhnya sentiasa bersedia untuk menunaikan tanggungjawab dan beban dakwah ini demi meraih kemenangan. Dan dalam suasana kesulitan, kesukaran dan kesakitan serta kemenangan yang kita yakini sentiasa melaungkan slogan :

Allah tujuan kami,
Rasulullah pegangan kami,
Al-Quran pedoman kami,
Jihad adalah cara kami dan
kematian demi Allah adalah cita-cita
kami tertinggi”

“Maka tidurlah dengan nyenyak wahai Imam kami semua, sesungguhnya kami akan meneruskan perjalanan ini dan dakwah mu tetap akan terjuang tinggi dengan cahayanya menyimbahi serta menyebar ke serata tempat dengan izin Allah SWT.....”

Ustaz Alias Othman adalah salah seorang tokoh yang di hormati di dalam IKRAM. Pertemuan ini dimulakan dengan sedikit latarbelakang peribadi serta pendidikan beliau. Beliau merupakan anak kampung yang dilahirkan pada 1942. Mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Yahyawiah, Padang Rengas dan memperolehi Diploma Dakwah Wal Imamah serta Ijazah Sarjana Siasah Syariah di Universiti Al-Azhar, Mesir.



Boleh ustaz memberikan sedikit perkongsian serba ringkas perjalanan ustaz bersama Jemaah daripada awal hinggalah kembalinya ke Malaysia.

Penglibatan di dalam dakwah bemula semasa Sekolah Menengah Yahyawiah, Padang Rengas dan mula terdedah dengan perbincangan di dalam PAS ketika itu bersama guru Allahyarham Tuan Hj Abdul Samad Noh dan saya adalah sebagai pencatit minit mesyuarat. Pengalaman berjumpa tokoh PAS spt Dr Burhanuddin Helmi, Allahyarham Ustaz Abd Wahab Nor, Ustaz Subky Latif juga membentuk sedikit kesedaran dan ianya berterusan ketika melanjutkan pelajaran ke Nilam Puri, Kelantan .

Pengalaman penglibatan bersama PAS yang merasakan ada kekurangan dalam pergaulan kami serta penemuan dan pembacaan kami dengan penulisan seperti Syed Qutb, Maududi, tesis dan buku gerakan IM, Hazaddin serta Rizalah Ta'lim telah menimbulkan keinginan untuk terus bergerak melaksanakan dakwah.

Ana telah melihat keindahan pemikiran, pelaksanaan usrah daripada penulisan buku tersebut tetapi tidak tahu bagaimana untuk melaksanakannya. Bertitik tolak daripada itu, kami memulakan usaha dengan mendekati dan memujuk Ustaz Mat Daud Iraqi untuk melaksanakannya dengan mengusulkan supaya beliau mengemukakan satu usul atau kertas berkenaan usrah dan beliau bersetuju.

Kami bersama yang lain mengambil peluang dengan merasakan perlunya usrah yang cantik dan indah di Nilam Puri dengan memulakan Ustaz Mat Daud Iraqi dan akhirnya saya dan beberapa pelajar lain yang masih kekal dalam ingatan serta masih bersama dengan jemaah ialah Ustaz Sheikh Parid, Ustaz Rahim, Ustazah Maznah, Ustazah Arapah, Ustazah Hanisah . Bahan usrah kami yang pertama ketika itu adalah kitab Fiqh Amal Jamaie.

Tahun 1973, ana telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke Mesir dengan semangat yang berkobar dan gembira kerana akan berada di bumi Mesir, bumi kelahiran Ikhwan Muslimin. Akan tetapi apabila sampainya saya di sana, suasana yang cukup berbeza dengan apa yang saya gambarkan sebelum ini. Pada ketika itu ramai du'at masih berada dalam penjara.

Pada tahun 1974 barulah mereka ini di bebaskan semasa era Anwar Sadat. Selepas itu IM sendiri terpaksa bergerak secara senyap dan bawah tanah dan menyukarkan para pelajar dari luar Mesir untuk menghubungkan mereka. Para pelajar juga menghadapi risiko di hantar pulang jika ditangkap bersama IM. Usrah dilaksanakan secara kecil-kecilan, kasut dibawa masuk dan celah pintu ditutup dengan kain bagi mengelakkan perbincangan didengari.

Semasa pengajian Ijazah Sarjana Siasah Syariah, ana berada sekelas bersama Ustaz Hadi Awang dan perjalanan mencari duat telah menampakkan jalan dan beliau sendiri pernah bersama Said Hawwa semasa di Mekah dan kami dipertemukan dengan beberapa ikhwah dari Iraq.

Antara pertemuan kami dgn Ikhwah Iraq adalah Allahyarham Abdul Satar Al-Qudsi, Akhuna Dr Laith dan bermulanya kefahaman dan konsep bergerak serta apa itu usrah. Walaubagaimanapun ana tidak bersama sahabat-sahabat yang lain di mana mereka terus bersama para sheikh yang hebat. Di situ ana mengambil hikmah bahawa mungkin ana bukan calon dan tidak mempunyai ciri yang Ikhwan tetapkan.

Sekembalinya ustaz dari Mesir dan kemudian meneruskan tanggungjawab melaksanakan pentarbiahan di Malaysia, boleh ustaz kongsi pengalaman serta transformasi yang telah ustaz lihat dan lalui dari aspek murabbi, mutarabbi, manhaj dan biah.

Pada peringkat awal fasa pentarbiahan ikhwah di Malaysia, kami mengalami ketandusan bahan tarbiah dan juga tokoh. Antara bahan yang ada pada ketika itu adalah Usul Isyirin, Dakwatuna serta Majmu' Rasail yang diperolehi daripada Ustazah Arfah. Lajnah Tarbiah telah mula menyusun mengikut pemahaman kami tentang Islam yang syumul, bahan-bahan Usul Isyirin, Wasail Asyarah, Usul Dakwah termasuklah kertas penulisan di dalam usrah kami. Pandangan serta pemikiran kami juga berada pada tahap yang hampir sama. Justeru, banyak perbincangan dan pertembungan idea telah berlaku semasa menghasilkan bahan-bahan tarbiah.

Situasi ikhwah di Malaysia pada ketika itu amat berbeza dengan ikhwah di UK di mana mereka banyak bergaul dengan kalangan tokoh dari pelbagai negara serta mempunyai bahan daurah yang baik dan bahan tersebut ada bersama Sheikh Muntalaq iaitu Sheikh Ahmad Rasyid mengenai qawaid usul fiqh. Selain itu, sedikit sebanyak ia menggambarkan bahawa ikhwah UK ketika itu mempunyai kefahaman yang baik tentang maqasid syariah, qawaid lughah arabiah dan tentang qawaid Usuliah termasuklah qawaid usul fiqh yang disebutkan tadi.

Tanpa menunggu bahan-bahan daripada tokoh Ikhwan, tanpa membuang masa kami terus berusaha atas ijtihad sendiri dengan memperturunkan bahan-bahan kepada naqib untuk dibincangkan di dalam usrah masing-masing dan ditaklim/dibuat bersama-sama di dalam usrah dengan berpegang kepada konsep yang difahami.

Dari sudut pembinaan bahan, ianya di buat bersama-sama bermula dari kosong dan pemeringkatan bahan berlaku sedikit demi sedikit serta penambahan bahan-bahan baru termasuklah panduan nuqaba dan banyak lagi bahan yang tidak dikeluarkan. Wasail tarbi-

..bersambung di halaman 12

MEMOIR SEORANG MUWARITH (2)

Selama kira-kira 2 tahun dalam persekitaran tarbawi yang dilalui bersama-sama ikhwah generasi awal di Kaherah, ia banyak membentuk jalur pemikiran dan tasawwur Islami yang murni dan syumul kepada insan kerdil ini. Ia sungguh berjaya membentuk pengertian ukhuwwah dan al-hubbu fiLlah sesama kami... Generasi awal yang memulakan perjalanan ini terdiri daripada dua kumpulan halaqah, insan kerdil ini disusun



bersama al-Fadhil Ustaz Alias dan beberapa ikhwah lain. Seperti yang diceritakan sebelum ini, Dr Muhaimin dan Abu Mus'ab (Muayyid Fadhil) adalah murabbi-murabbi kami. Kediaman Ustaz Alias di kejiranan Umar Affendy, imarah (bangunan) nombor 25, di situlah kami berulang setiap minggu untuk menghayati saat-saat yang manis dan berharga itu.

Di antara kami dalam kumpulan itu hanya Ustaz Alias yang sudah berumahtangga. Setiap kali pertemuan dan seusai jilsah, kami selalu dapat menikmati kehangatan syai (tea) Mesir yang enak rasanya itu, disertai dengan kuih-muih atau Abu Surrah dan Yusufi (nama-nama limau di Mesir).

Di antara nilai-nilai pegangan hidup besar yang ditanam oleh murabbi ke dalam benak dan jiwa kami ialah: Hendaklah setiap orang meletakkan kepentingan Islam dan dakwah mengatasi segala kepentingan yang lain. Apapun yang akan dilalui, akan dimiliki, akan direncanakan dalam perjalanan hidup peribadi masing-masing. Islam dan dakwah hendaklah dijadikan keutamaan yang paling utama (أُولَى الْأَوْلِيَّاتِ) ... Se jauh mana kepentingan peribadi bertentangan dengan kepentingan Islam dan dakwah, sejauh itu pulalah kehidupan peribadi hendaklah dikorbankan demi perjuangan yang mulia ini.

Ketika diri ini mula mengenali karya penting Muhammad Ahmad Ar-Rasyid 'Al Muntalaq', beliau menukulkan pengertian-pengertian ini dalam tajuk-tajuk:

فَتْهُ الْعَمَلِ الْجَمَاعِي فِي صِيَاغَتِهِ الْحَدِيثِيَّةِ dan الرَّوَادُ يَصِفُونَ الطَّرِيقَ

maksudnya: "Fiqh Amal Jamaie Dalam Era Moden" dan "Para Peneroka Gerakan Dakwah Memperincikan Jalan Ini".

Antaranya beliau menukulkan kata-kata Imam al-Banna, al-Maududi, Syed Qutb dan Syakib Arsalan. Al-Banna mengungkapkannya: ...

وَجُوبُ الْحِدِّ وَالْعَمَلِ ، وَسُلُوكُ طَرِيقِ التَّكْوِينِ بَعْدَ التَّنْبِيهِ ، وَالتَّاسِيسُ بَعْدَ التَّدْرِيسِ

(Kemestian bersungguh-sungguh dan bekerja keras mengambil pendekatan at-takwin selepas memberikan peringatan dan meletakkan batu asas selepas daripada penyampaian ilmu). Antara ungkapan Syed Qutb pula ialah:

إِنَّهُ لَا بَدَّ مِنْ طَلِيْعَةِ تَعَزُّمِ هَذِهِ الْعَزْمَةِ وَتَمَضِي فِي الطَّرِيقِ ... وَالثَّلَاثَةُ يُصِحُّونَ عَشْرَةَ وَالْعَشْرَةُ يُصِحُّونَ مِائَةً وَالْمِائَةُ يُصِحُّونَ أَلْفًا ، وَالْأَلْفُ يُصِحُّونَ اثْنَيْ عَشَرَ أَلْفًا

(Semestinya (kebangkitan ini) wujud generasi peneroka yang mempunyai keazaman yang kental ini dan meneruskan perjalanan.... Dari tiga orang menjadi sepuluh, sepuluh menjadi seratus, seratus menjadi seribu dan seribu menjadi dua belas ribu... begitulah seterusnya). Sementara Syakib Arsalan pula menegaskan:

يَجِبُ أَنْ نُؤَسِّسَ مِنْ تَحْتِ ، يَجِبُ أَنْ نُرِيَّ الْقَرْدَ

(Kita semestinya membina daripada bawah, kita seharusnya mentarbiah insan...)

Roh dan semangat inilah yang dibawa pulang ketika insan kerdil ini melangkah kaki meninggalkan bumi para anbiya' ini , Mesir. Namun sepanjang kira-kira 2 tahun itu, ada beberapa peristiwa penting yang ingin dikongsikan dengan sahabat-sahabat



Dr Zawawi Ali

semua. Antaranya: Berulang-alik ke pejabat majalah Dakwah untuk menerbitkan artikel memperkenalkan dakwah Islamiah di Malaysia khususnya berkaitan dengan kemunculan Anwar Ibrahim dan ABIM di arena dakwah di tanah air ketika itu. Majlis Iftar bersama dengan pelajar-pelajar arab yang belajar di Kaherah, antaranya Dr Hammam Said, Muraqib Am IM Jordan kini (waktu itu pelajar PhD di Universiti al-Azhar). Mukhayyam Dakhili di al-Muntazah, Iskandariah, pertemuan dengan Anwar Ibrahim (yang baru dibebaskan dari tahanan ISA ekoran demonstrasi Baling). Beliau mengunjungi Kaherah ditemani oleh al-Marhum Ustaz Fadhil Mohd Nor dan pertemuan khas dengan Sheikh Mustafa Masyhur beberapa waktu sebelum pulang ke tanah air.

Pada Februari 1977, Di Lapangan Terbang Kaherah dalam kebingungan untuk berpisah dengan teman-teman yang menghantarku untuk pulang ke Malaysia, aku tersentak apabila didakap dengan kuat oleh akhuna Ustaz Alias dan tanpa disedari air mataku jatuh berguguran. Kejutan inilah barangkali yang membuatkan aku sedar bahawa aku perlu kuat dan tabah dalam meneruskan perjuangan yang panjang ini di tanah air. Kini sudah lebih tiga puluh tahun berlalu, dan kita kini memiliki IKRAM dengan motonya

الأخوة أساس العزة

(Ukhuwwah Teras Kegemilangan) dan diantara slogan kita pula ialah:

التَّربِيَةُ وَالتَّكْوِينُ طَرِيقُنَا لِلتَّمَكِينِ

Tarbiah dan Takwin Jalan Kita Untuk Merangkul Kemenangan (al-Tamkin).

Mudah-mudahan langkah-langkah kita seterusnya sentiasa dalam pemeliharaan, bimbingan dan inayat Allah SWT. Sekian.

KONSEP-KONSEP ASAS DALAM MEDAN DAKWAH (1)

Oleh : Dr. Mohammad Abdur Rahman (Anggota Maktab Irsyad)


Di antara konsep penting dalam dakwah yang mesti difahami adalah kefahaman mengenai tanggungjawab melaksanakan syariat Islam yang syumul itu bukanlah tugas pemerintah semata-mata, sekiranya ada pemerintah yang melaksanakan maka menjadi kewajipan setiap muslim untuk membantunya mengikut kemampuan masing-masing dan mengikut peraturan-peraturan yang di gariskan oleh Islam, oleh itu islah tidak harus terfokus hanya pada aspek pemerintahan semata-mata namun ia mestilah merangkumi semua aspek kehidupan seperti pembangunan peribadi, rumahtangga dan masyarakat yang akhirnya berpegang dengan nilai dan prinsip Islam. Perkara ini mestilah dilaksanakan dengan perancangan yang tersusun dan rapi.

Konsep amal jama'ie atau berjemaah untuk merealisasikan matlamat dakwah juga merupakan satu konsep asas yang wajib dalam konteks dakwah semasa. Namun kewujudan berbagai jamaah itu mestilah mengikut syarat dan adab seperti: Tidak menganggap jamaahnya itu sebagai "Jama'atul Muslimin" di mana orang yang tidak bersama dianggap keluar dari Islam,

tidak mengangkat senjata ke atas umat Islam, tidak mengkafirkan atau menghukum fasiq terhadap orang yang tidak bersamanya dalam jamaah dan matlamat serta wasilah-wasilahnya mestilah mengikut syariat Islam.

Konsep ketaatan kepada pemerintah tidak bermakna membiarkan mereka bermaharajalela melakukan kefasiqan dan kezaliman. Adapun larangan menentang pemerintah yang diriwayatkan dari golongan salaf merujuk kepada penggunaan kekerasan, justeru itu menegur, mendidik dan menyuruh yang makruf dan mencegah perkara mungkar terhadap mereka adalah perkara yang dituntut dan mempunyai kelebihan.

Pengarang juga menjelaskan prinsip-prinsip dakwah Ikhwan Muslimun yang diasaskan oleh Imam Hasan al-Banna itu adalah prinsip Islam yang berasaskan al-Quran yang telah dilupai oleh ramai manusia. Ia bertujuan untuk merealisasikan objektif kelahiran umat dan risalah mereka di muka bumi ini iaitu sebagai "ustaziah alam". Ianya hanya boleh dicapai dengan membina umat yang kuat lagi kukuh yang



mampu berdepan dengan berbagai cabaran. Matlamat ini sebenarnya lebih besar dari sekadar mengubah seorang pemerintah dengan pemerintah yang lain. Inilah bezanya di antara pendakwah atau pemikul risalah dengan mereka yang memburu kursi, pangkat dan kedudukan semata-mata.

Akhirnya beliau mengingatkan betapa pentingnya kita yakin dengan bantuan dari Allah swt. Segala yang dilalui oleh du'at merupakan ketentuan dan taqdir, di sebaliknya adalah qudrat Allah swt Yang menyediakan keadaan untuk tamkin bagi agamanya. Yang penting para du'at itu mestilah berusaha, berkorban serta thabat dan teguh di atas jalan dakwah, bertawakkal dan mengambil sebab-sebab yang membawa nusrah. Akhir sekali tanggungjawab kita ketika dihisab di hadapan Allah swt nanti adalah sejauhmana keikhlasan niat kita, dan kepatuhan kita terhadap syariat dalam langkah-langkah kita, adapun natijahnya diserahkan kepada ketentuan Allah swt samaada mendapat ganjaran orang yang berjaya ataupun ganjaran orang yang berusaha.

“..Kamu hendaklah memiliki perpustakaan peribadi sama ada kecil mahupun besar..”

~Hasan Al-Banna~
[Risalah Ta'alim]

GEDUNG IKRAM



RM 10



RM 8



RM 15



* Harga Semenanjung
**Boleh didapati di pejabat IKRAM, Seri Kembangan



*Ustazah Maznah Daud,
Ketua Wanita IKRAM*

PERANAN MURABBIAH DALAM DAKWAH

Murabbiah adalah mukminah yang mendidik dan terdidik, yang mentarbiah dan ditarbiah. Di dalam lapangan dakwah dan harakah, tarbiah tidak dapat dipisahkan. Malah, tanpa tarbiah dakwah tidak berkembang, harakah tidak akan maju ke hadapan.

Berdasarkan maksud asal perkataan tarbiah, pakar-pakar ilmu pendidikan Islam mendefinisikan tarbiah adalah: "Satu proses bertujuan menyubur dan mengembangkan keupayaan, kemahiran seseorang untuk menghadapi tuntutan kehidupan yang pelbagai, atau satu proses pembinaan individu dengan binaan yang syamil supaya dia mampu berinteraksi dengan segala perkara di sekelilingnya atau menyesuaikan diri dengan suasana yang melingkarinya."

Dalam konteks dakwah dan harakah, tujuan tarbiah adalah untuk melahirkan

seorang 'aamil dan mujahid yang akan mewarisi risalah dan menurunkannya generasi demi generasi hingga ke hari qiamat.

Justeru, murabbiah bolehlah diumpamakan sebagai seorang petani yang bertanggungjawab menanam dan menyuburkan tanamannya sehingga membesar dan menghasilkan buah yang ranum. Kemudian daripada buah yang ranum itu lahir pula biji benih untuk menumbuhkan pokok yang baru. Seorang petani, sebelum memulakan kerja menabur dan menanam benih, mestilah terlebih dahulu memiliki tanah tempat menabur benih. Maka murabbiah yang ingin menabur benih iman ke dalam hati metarabbiahnya mestilah memiliki hati mutarabbiah itu terlebih dahulu.

Oleh itu, perkara pertama yang wajib dilakukan oleh murabbiah ialah memiliki hati mutarabbiahnya. Menurut Pepetah Arab, hati manusia akan condong kepada

orang yang berbuat baik kepadanya. Dengan berbuat baik kepadanya, cuba penuhi hajatnya, sentiasa mengambil berat hal keadaan dirinya, hati mutarabbiah akan dapat dimiliki.

Hal ini telah berlaku pada murabbi agung kita, Nabi Muhammad s.a.w. Peribadinya yang dicetak dan diwarnai dengan al-Quran itu mempesona dan memikat hati siapa saja yang mendekati dan menggaulinya.

Pokok yang besar dan rendang tidak tumbuh dalam masa satu hari satu malam. Lantaran itu, tidak ada murabbiah kecuali dari kalangan orang-orang yang sabar. Sabar menghadapi karenah, sepak terajang mutarabbiah yang jahil dan mentah, sabar menunggu terbitnya hasil yang ranum dan manis, sabar menyantuni nafsu sendiri yang dibelenggu dengan pelbagai kelemahan dan kekurangan.

Kesimpulannya, antara ciri-ciri penting seorang murabbiah ialah memiliki hati mutarabbiah, berdoa dan bertawakkal kepada Allah, serta sabar.



*Dr Hafidzah Mustakim,
Ahli JKP Wanita IKRAM*

Wanita tidak pernah ketinggalan mahupun ditinggalkan dalam Islam dan dakwah ini. Allah mentakdir-

kan orang yang pertama beriman menyahut dakwah Nabi adalah Saidatina Khadijah dan orang pertama terpilih syahid adalah Sumayyah juga seorang wanita.

Kisah sahabiah yg bernama Asma' Bt Yazid AlAnsari yang secara proaktif mewakili wanita lain di zamannya bertemu Rasulullah saw bertanyakan kedudukan mereka sentiasa menjadi inspirasi kepada wanita hingga ke akhir zaman. Peranan wanita di rumah bukanlah satu tugas remeh malah ianya merupakan satu tugas penting yang perlu dilakukan dengan penuh kesedaran, izzah secara cemerlang sehingga Rasulullah SAW mengiktirafnya dengan ganjaran yang sama dengan tugas kaum lelaki di medan jihad dan perjuangan. Pada masa yang sama kita juga membaca kisah bagaimana wanita di awal Islam turut sama membaiah Rasulullah SAW. Dalam Bai'ah Aqabah kedua Ummu Amarah dan Ummu Mani' bersa-

WANITA OBOR PERJUANGAN

ma 73 kaum lelaki berjanji setia bersama Rasulullah ketika susah dan senang memperjuangkan agama ini. Sejarah melakarkan jejak mereka yang harum bagaimana kedua wanita ini terus memainkan peranan aktif melakukan usaha dakwah dan jihad bersama kaum muslimin yang lain. Mereka turut serta dalam misi peperangan Rasulullah.

Namun seiring dengan itu mereka juga mempersembahkan rijal-rijal yang menjadi penerus dakwah. Dua anak Ummu Amarah, Abdullah dan Habib dikenang hingga ke hari ini sebagai pejuang penegak kebenaran. Semangat apakah yg berjaya ditiup Ummu Amarah kepada anakandanya Habib sehingga sanggup menanggung derita bahagian badan dikerat sedikit demi sedikit sebelum syahid ketika diutus Khalifah Abu Bakar AsSiddiq menyampaikan surat kepada Nabi palsu Musailamatul Kazzab. Sementara Ummu Mani' pula adalah ibu kepada Muadz bin Jabal yg terkenal sebagai cendekiawan dengan wawasannya yang luas

dan pemahaman yang mendalam dalam iimu agama.

Apakah rahsia di sebalik kejayaan wanita generasi awal ini sehingga mereka berprestasi hebat sedemikian rupa. Beberapa noktah untuk diambil pelajaran. Generasi awal mempunyai kefahaman yang jelas tentang peranan mereka sebagai i. pendamping dan peniup obor perjuangan suami, ii. pendidik generasi dan iii. pembangun masyarakat dengan melakukan tugas dakwah dan jihad.

Bagaimanakah mereka berjaya melakukan semua tugas ini. Jawapannya terletak kepada apa yang disebutkan oleh Almarhum Sheikh Mustafa Masyhur "Tarbiah bukan segala-galanya namun segala2nya bermula dari tarbiah." Ya untuk menyeimbangkan tugas2 yang begitu banyak dalam kehidupan maka tidak dapat tidak wanita muslimah mestilah mengikat dirinya kepada satu sistem pentarbiahan yang berterusan. Semoga kita tetap istiqamah di atas jalan dakwah dan tarbiah ini. Benarlah slogan "Tarbiyyah wa takwin tariquna lit-tamkin"

Wassalam



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT
- PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA -

Ketua editor

Azamuddin Mohd Maarof

Layout/Grafik

Hana Sudi@Yusoff

Penulis Jemputan:

Prof Dr. Hatta Shaharom
Ustazah Maznah Daud
Dr. Hafidzah Mustakim

Wartawan

Abu 'Izzuddin

Diterbitkan oleh :


Jawatankuasa Tarbiyah Pusat,
Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM),
Tel: +603-8945 6999, +603-8945 3666
Fax: +603-8945 1772



tarbiatuna.ikram@gmail.com

Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd
E-Mail : mashipublication@yahoo.com
Website : www.mashipublication.com



...dari di halaman 8

ah juga dilaksanakan seperti daurah, mukhyyam, katibah dan usrah cuma berbeza dari aspek pengendalian berdasarkan kefahaman dan bahan yang ada ketika itu sehinggalah sekitar tahun 2004 di mana bahan-bahan baru mula digunakan. Bahan-bahan tersebut pula agak mencabar kerana terlalu panjang, begitu ilmiah dan berat untuk dibincangkan bagi orang Melayu serta mengambil masa untuk diterjemahkan kerana bahan yang di terima adalah dalam bahasa Arab. Dengan marhalah yang singkat disamping bahan kami pula

ada kekurangan di mana jika dilaksanakan tidak mencukupi syarat untuk tas'id seseorang ahli menyebabkan kami berada dalam situasi dilema untuk melaksanakannya.

Kemudian berlakunya rancangan pergerakan tarbiyah apabila hasil kerja selama lima tahun telah hilang disebabkan ada pihak yang mengambilnya. Kami meneruskan usaha-usaha membina semula bahan tersebut tanpa memikirkan hal-hal yang telah berlaku itu. Secara ringkasnya di peringkat awal perjalanan tarbiyah di Malaysia, kami ketiadaan banyak bahan dan oleh itu kebanyakan bahan diusahakan sendiri melalui proses perbincangan, penulisan, penterjemahan hinggalah penerbitan. Berbanding dengan situasi sekarang di mana kebanyakan bahan-bahan tarbiyah hanya perlu di gunakan sahaja. Tetapi situasi sekarang dilihat bahawa ikhwah tidak begitu mencari. Ikhwah hanya menunggu bahan daripada pihak tarbiyah untuk mendapatkan bahan.

Kewujudan fikrah jemaah di Malaysia telah hadir ke Malaysia sekitar 1975-1976, ikhwah di Mesir pada ketika itu baru sahaja keluar dari penjara sekitar 1974 di antaranya ialah Sheikh Mustafa Mashyur. Sebaik sahaja beliau dibebaskan tanpa membuang masa beliau terus merencanakan usaha menghidupkan tarbiyah. Ketika berada di Eropah pada tahun 1982, beliau telah berjaya mewujudkan fikrah Ikhwan di setiap negeri serta pelusuk dunia adalah melalui mereka yang pernah belajar di Mesir dan pernah beliau temui. Dari situ beliau pernah mendapat sedikit sebanyak pandangan dan fikrah dari Malaysia, dunia Arab atau di mana-mana negara dan kemudiannya dibawa pulang ke Mesir.

Ikhwah Malaysia juga melalui satu proses transformasi di mana gerak kerja yang secara senyap-senyap kepada gerak kerja yang terbuka (alami). Transformasi ini juga memberi impak yang agak berat dan besar kepada ikhwah yang pulang dari Mesir yang perlu melalui fasa terbuka oleh JIM. Di sebalik itu pula, sebahagian besar ahli JIM juga kurang mendapat pengalaman dalam proses pentarbiahan dan membina usrah. Walau bagaimanapun di kalangan ahli JIM, mereka memang hebat dan memberi komitmen yang tinggi dari aspek berorganisasi dan melaksanakan tugas-tugas yang diberi. Ahli perlu keluar dari kepompong pemikiran bahawa semuanya bergantung kepada ustaz. Ikhwah haruslah yakin bahawa latarbelakang agama bukannya syarat

untuk melaksanakan gerak kerja tarbiyah. Apa yang penting ikhwah haruslah di beri peluang dengan kemampuan dan masa yang ada. Kesilapan pertama adalah perkara biasa tetapi apa yang penting adalah pengalaman dan peningkatan sedikit demi sedikit dai dalam melaksanakan kerja tarbiyah.

Melihat situasi terkini dalam konteks dakwah dan tarbiyah IKRAM, apakah pendapat ustaz tentang muwasafat murabbi yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan semasa dan apa pula kelebihan murabbi di luar?

Seseorang naqib atau murabbi perlu ada ketrampilan diri dari segi ilmu terutamanya ilmu Ulum Diniah, Ijtimaiah, Siasah, penulisan Karim Zaidani iaitu bekal para du'at serta pemahaman berkenaan ideologi moden. Murabbi juga perlu meningkatkan diri dalam bidang ilmu sehingga ke tahap Sarjana dan Phd dan mestilah syumul di dalam aktivitisme.

Murabbi juga mestilah berkemahiran untuk melaksanakan tajmik dan tarbiyah di mana perkara ini juga diberi penekanan di dalam penulisan Ustaz Mustaffa Mashyur. Lantaran itu setiap ikhwah perlu ada kedua-dua sifat ini, tidak boleh salah satu sahaja kerana jemaah perlu satu barisan pelapis murabbi. Perlu ada ketahanan fizikal dan sihat tubuh badan bagi mempersiapkan diri untuk kerja-kerja dakwah.

Di samping itu, nasihat kepada ikhwah supaya lebih tegas dan bermujahadah dengan mempertingkatkan amal-amal, memperelok bacaan Al-Quran. Janganlah ikhwah menolak tugas yang diberi tetapi bermujahadlah dan kongsi dengan ahli usrah sepertimana konsepnya iaitu taruf, tafahum dan takaful.

Apakah pengajaran atau ibarah yang dapat ustaz rumuskan untuk dikongsi bersama IKRAM di dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai murabbi ataupun saf kepimpinan ke arah membina jemaah yang kuat?

Pengalaman yang singkat semasa di Mesir bahawa murabbi sentiasa dapat melaksanakan mutabaah kerana mereka tidak membawa usrah lebih daripada satu. Ini salah satu kunci kejayaan murabbi di sana melahirkan pelapis dan ianya perlu dilihat secara serius oleh ikhwah di sini. Ikhwah perlu ikhlas dengan diri, keluarga, jemaah, agama dan Allah s.w.t untuk menerima dan menolak tugas yang diberikan.